



## **JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

### **TEKS KHUTBAH AIDILFITRI**

**Tajuk :**

**AIDILFITRI PENYUBUR FITRAH INSANI**

**Tarikh Dibaca :**

**1 SYAWAL1440H**

**Disediakan oleh :**

**Cawangan Khutbah Dan Latihan  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**



## AIDILFITRI PENYUBUR FITRAH INSANI

1 Syawal 1440H

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ،  
الله أَكْبَرُ، وَلِلّهِ الْحَمْدُ.

الله أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللّهُ وَلَا نَعْبُدُ  
إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدَهُ،  
وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعْزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللّهُ وَاللّهُ أَكْبَرُ، الله  
أَكْبَرُ وَلِلّهِ الْحَمْدُ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالْتَّائِبِينَ وَتَابِعِي التَّائِبِينَ لَهُمْ يَأْتِي حَسَانٌ  
إِلَيْهِمْ يَوْمَ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَّا عِبَادَ اللّهِ، اتَّقُوا اللّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّهُ وَطَاعَتِهِ  
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قَالَ تَعَالَى :

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَى  
وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلَيَصُمِّمْهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ  
أَيَّامٍ أُخْرَى يُرِيدُ اللّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكِمُوا الْعِدَّةَ  
وَلِتُكَبِّرُوا اللّهَ عَلَى مَا هَدَنَكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ



## Sidang Jemaah yang dimuliakan

Semalam kita telah menyempurnakan ibadah puasa di bulan Ramadan. Sesungguhnya syariat puasa adalah untuk melahirkan insan yang bertakwa. Justeru, marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Semoga kita beroleh kejayaan di dunia dan kemenangan yang lebih besar di akhirat sana.

Khatib pada hari ini ingin mengajak sidang jemaah sekalian untuk menghayati khutbah yang bertajuk "**Aidilfitri Penyubur Fitrah Insani**".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### **Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,**

Setelah sebulan menyempurnakan tuntutan ibadah puasa, umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri sebagai tanda kemenangan menundukkan hawa nafsu di sepanjang bulan Ramadhan. Hakikat perayaan Aidilfitri adalah sebagai tanda kita telah kembali kepada fitrah asal iaitu bersih daripada segala dosa dan noda sebagaimana bayi yang baru dilahirkan.

Bagi mereka yang benar-benar berjaya menjadikan Ramadhan sebagai medan didikan kerohanian, maka sudah tentu ia akan dapat mengecap perubahan hidup daripada kurang baik kepada yang lebih baik. Perubahan ini dicapai melalui amalan bersungguh-sungguh melawan hawa nafsu sehingga sifat-sifat keji yang bersarang di dalam hati dapat dibuang dan diganti dengan sifat-sifat yang murni di dalam jiwa.

Justeru, Aidilfitri wajar disambut dengan penuh kegembiraan dalam suasana keimanan yang kukuh. Sambutan Aidilfitri mestilah dilakukan dalam kerangka syariat Islam.



Rasa kehambaan dan ketakwaan yang dibina di bulan Ramadan janganlah dicemarkan dengan perbuatan dan amalan-amalan yang boleh merosakkan kembali ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan menjelangnya 1 Syawal.

Justeru, kegembiraan ini mestilah dizahirkan dengan membesarkan Allah dengan bertakbir, bertahmid, dan bertasbih. Ia sememangnya menjadi lambang perubahan diri untuk terus istiqamah melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Hari raya merupakan hari untuk memupuk semangat perpaduan sesama anggota masyarakat. Perpaduan disemai dengan galakan kepada seluruh umat Islam untuk menunaikan solat sunat Aidilfitri secara berjemaah termasuklah para wanita dan kanak-kanak. Pertemuan anggota masyarakat dalam melaksanakan ibadah ini sedikit sebanyak akan mempertemukan dan mengeratkan ikatan persaudaraan sesama umat Islam.

Umat Islam juga digalakkan untuk saling bermesra, berjabat tangan dan saling mendoakan. Selain itu, umat Islam amat digalakkan untuk menziarahi sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai. Amalan ini akan mengukuhkan lagi ikatan silaturrahim yang terbina. Seandainya ada yang jarang berjumpa, inilah masanya untuk bertemu dan merapatkan ukhuwwah.

Tetamu yang datang ke rumah kita pula wajib dilayan dengan penuh hormat sekalipun mereka berlainan agama dan kepercayaan. Malah tidak salah untuk menjemput golongan bukan Islam hadir ke rumah kita lebih-lebih lagi apabila menganjurkan rumah terbuka. Inilah masanya untuk mereka melihat dan merasai keindahan Islam sebagai agama rahmat bagi sekalian alam. Sikap saling menyayangi, menjaga, memahami, memberi, berkongsi dan



memaafi hendaklah ditonjolkan kepada mereka. Ia sekali gus dapat mewujudkan suasana keharmonian dalam masyarakat yang berbilang kaum yang wujud di negara kita.

Kebiasaan ketika di hari raya, umat Islam saling bermaaf-maafan di antara satu sama lain. Sudah pasti sebagai manusia, kita tidak terlepas daripada melakukan kesalahan sama ada sedar ataupun tidak. Aidilfitri pastinya memberikan semangat untuk kita menghulurkan sepuluh jari memohon kemaafan dan memaafkan orang lain.

Sekiranya semua amalan mulia ini dapat dilakukan dengan penuh keikhlasan, sudah pasti ia dapat meleburkan rasa angkuh dan sompong. Di samping itu, amalan menyambung silaturrahim pula boleh menambah rezeki sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari RHM, daripada Anas bin Malik RA, sabda Rasulullah SAW

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبَسِّطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ أَوْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أُثْرِهِ فَلِيَصِلْ رَحْمَةً

Bermaksud : "Sesiapa yang suka diperluaskan rezekinya dan kehidupan yang baik, maka hendaklah menyambung silaturrahim"

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلَلَّهِ الْحَمْدُ.

### **Sidang hadirin yang dikasihi Allah,**

Dalam kegembiraan menyambut Aidilfitri, usah dilupa kepada mereka yang kurang berasib baik. Hari ini terdapat umat Islam di pelbagai tempat yang sedang berhadapan dengan kesusahan dan penderitaan seperti yang dialami oleh saudara-saudara kita di negara-negara yang bergolak. Doakan kesejahteraan untuk mereka. Bersyukurlah kerana kita dapat menikmati Aidilfitri dalam suasana yang cukup aman di tanah air yang tercinta ini.



Mimbar juga ingin mengingatkan, walaupun kita dianjurkan untuk memeriahkan suasana hari raya dengan menghiasi rumah, menyediakan juadah, berpakaian yang indah-indah serta memakai wangи-wangian, tetapi semuanya itu mestilah dilakukan secara sederhana dan tidak membazir serta terhindar dari perasaan menunjuk-nunjuk, riak dan sompong terutamanya ketika menganjurkan rumah terbuka. Sifat kesederhanaan hendaklah diutamakan. Demikian juga wajib kita memelihara adab berpakaian dan pergaulan supaya tidak melanggar batas-batas syariat.

Khatib ingin melahirkan rasa bimbang terhadap anak-anak yang menyambut Aidilfitri pada hari ini. Kadang kala, kita melihat mereka lebih sibukkan gajet dan rancangan televisyen berbanding melayani tetamu yang datang atau menziarahi sanak saudara. Justeru, didik anak-anak kita supaya menghormati saudara mara dan tetamu yang datang ke rumah untuk beraya. Begitu juga, jangan biarkan anak-anak kita berebut-rebut untuk mendapatkan duit raya ketika tetamu datang atau ketika berziarah ke rumah saudara mara dan sahabat handai. Berikan didikan adab yang baik agar makna Aidilfitri itu tidak lenyap daripada jiwa mereka.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### **Para tetamu Allah yang dirahmati**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar menyimpulkan khutbah kepada beberapa perkara.

**Pertama** : Aidilfitri adalah masa terbaik untuk mempertautkan kembali silaturahim, memperkuuh kembali hubungan serta perpaduan sesama umat Islam. Dalam konteks bernegara dan bermasyarakat, perayaan seperti ini boleh menjadi saluran untuk memperkuuh perpaduan rakyat.



**Kedua :** Aidilfitri mestalah disambut dalam kerangka syariat Islam supaya nilai ketakwaan kita tidak tercemar dengan amalan-amalan yang menyalahi syariat.

**Ketiga :** Didiklah anak-anak dengan adab sopan agar mereka tidak mensiasakan perayaan Aidilfitri ini dengan perkara-perkara yang melalaikan dan merosakkan nilai silaturrahim yang terbina sebelum ini.

Firman Allah SWT di dalam surah Fussilat ayat 30:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
 إِنَّ الَّذِينَ قَاتَلُوا رَبِّنَا اللَّهَ ثُمَّ أَسْتَقْدَمُوا تَتَرَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَا تَخَافُوا وَلَا  
 تَحْزَنُوا وَابْشِرُوا بِالْحَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu."

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالدِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
 وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
 لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
 وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.  
 اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلَلَّهِ الْحَمْدُ.



## KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا  
 اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلَلَّهِ الْحَمْدُ.  
 أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
 صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَقْوُنَ.

قال تعالى:



قُلْ يَفْضُلُ اللَّهُ وَرِحْمَتِهِ فِي ذَلِكَ فَلَيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

**Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,**

Dalam menyambut kemeriahkan Aidilfitri pada hari ini, janganlah kita melupakan saudara-saudara kita yang sedang melalui pelbagai dugaan kehidupan seperti peperangan, kebuluran, penindasan, kesakitan dan kesedihan. Justeru, ringankanlah tangan hulurkanlah bantuan. Bantulah sesama Islam dengan kudrat dan doa. Renungkan firman Allah SWT di dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 :

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالثَّقَوْيِ وَلَا نَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُونَ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ



Maksudnya: "...Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebijakan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan



*pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksaNya.”*

Pada hari ini juga, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam ke atas baginda Nabi Muhammad SAW. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأْمِئَهَا الَّذِينَ أَمْنَوْا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah SWT dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.”

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.  
وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ : أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ  
إِنَّكَ وَكَرِمٌ وَإِحْسَانِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.



اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِياً  
سَرِيْ فَدوْكَ بِكَيْنِدا يَعْ دَفْرَتَوَانِ اَكْنُوْغ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ  
شَاهُ اَبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجُ اَحْمَدَ شَاهُ الْمُسْتَعِنِ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِياً سَرِيْ فَدوْكَ بِكَيْنِدا رَاجِ فِرْمَايِسُورِيِّ اَكْنُوْغ،  
تُونِكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةِ اَمِيَّنَةِ مِيمُونَةِ إِسْكَنْدَرِيَّةِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى  
اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَّرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًا وَأَرْزُقْنَا اتِّبَاعَهُ، وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَأَرْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ . اللَّهُمَّ لَا  
تُؤَاخِذْنَا بِمَا فَعَلَ السُّفَهَاءُ مِنَا، وَلَا تَحْرِمْ عَلَيْنَا بِذُنُوبِنَا فَضْلَكَ، وَلَا تُسْلِطْ عَلَيْنَا بِذُنُوبِنَا  
مَنْ لَا يَخَافُكَ وَلَا يَرْحُمُنَا .

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَعِينُكَ وَنَسْتَغْفِرُكَ وَنَسْتَهْدِيكَ وَنَؤْمِنُ بِكَ وَنَتَوَكِّلُ عَلَيْكَ، وَنُثْنِي عَلَيْكَ الْحَيْرَ  
كُلُّهُ . نَشْكُوكَ وَلَا نَكْفُرُكَ، وَنَخْلُعُ وَنَتَرُكُ مَنْ يَفْجُرُكَ . اللَّهُمَّ إِيَّاكَ نَعْبُدُ، وَلَكَ نُصَلِّي  
وَنَسْجُدُ، وَإِلَيْكَ نَسْعَى وَنَخْفِدُ، نَرْجُو رَحْمَتَكَ وَنَخْشَى عَذَابَكَ، إِنَّ عَذَابَكَ الْجَدُّ بِالْكُفَّارِ  
مُلْحِقٌ .



اللَّهُمَّ أَعِنَّا إِلَيْكَ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَذِلَّ الشَّرِكَ وَالْكُفْرَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَأَعْلِنْ كَلِمَةَ الْحَقِّ  
وَالدِّينِ، اللَّهُمَّ وَحْدَكَ صُفُوفُ الْمُسْلِمِينَ وَقَوْ عَزَّ ائِمَّهُمْ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْرَانَا فِي كُلِّ مَكَانٍ، وَارْفَعْ عَنْهُمُ الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ، وَاحْرَبْ وَالْاعْتِدَاءَ.  
اللَّهُمَّ لَا تُمْكِنْ الْأَعْدَاءَ مِنَا وَلَا فِينَا وَلَا تُسْلِطْهُمْ عَلَيْنَا بِذُنُوبِنَا. اللَّهُمَّ قِنَا الْأَسْوَاءَ وَلَا  
تَجْعَلْنَا مَحْلًا لِلْبَلَوَى. اللَّهُمَّ اكْشِفْ عَنَّا الْبَلَاءَ مَا لَا يُكْشِفُهُ غَيْرُكَ.

رَبَّنَا لَا تُزْغِ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ. رَبَّنَا آتَنَا  
فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ

٩٠

وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظِمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلَلَّهِ الْحَمْدُ.